



(1423128-K)

Koshidaka International KL Sdn Bhd

A Subsidiary of Koshidaka Holdings

Suite 08-01, Level 8, Wisma UOA Damansara II,
No 6 Changkat Semantan, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.
Tel: +603 2011 6888

KENYATAAN AKHBAR

KARAOKE MANEKINEKO MENGUMUMKAN PELABURAN LANGSUNG RM270 JUTA KE DALAM MALAYSIA DENGAN PEMBUKAAN CAWANGAN UTAMA DI BUKIT BINTANG

KUALA LUMPUR, 15 MAC 2023 – KOSHIDAKA Malaysia, sebagai pengurus dan pengendali rangkaian hiburan **KARAOKE MANEKINEKO**, dengan bangganya mengumumkan pembukaan cawangan **KARAOKE MANEKINEKO** utamanya di Lot 140 & 142, Tingkat 3, 3A & 5, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, Malaysia pada 10 Mac 2023. Ini juga menandakan cawangan **KARAOKE MANEKINEKO** ke-10 yang dibuka oleh KOSHIDAKA di Malaysia sejak tahun 2018. Dengan pembukaan cawangan utama di Bukit Bintang, KOSHIDAKA menandakan permulaan langkah agresifnya untuk peluasan rangkaian **KARAOKE MANEKINEKO** di Malaysia kepada 100 cawangan menjelang akhir 2028.

Pelan ekspansi oleh KOSHIDAKA ini berfungsi untuk memainkan peranannya dalam penyediaan saluran rehat untuk rakyat Malaysia akibat kepenatan dan tekanan mental dari kerja harian selain membantu dalam memenuhi permintaan hiburan dari orang ramai setelah berada di rumah selama lebih kurang 2 tahun semasa tempoh pandemik Covid-19.

Semua cawangan **KARAOKE MANEKINEKO** dihiasi dengan tanda dagangan mereka "kucing yang mempelawa (beckoning cat)" dan bertemakan mesra keluarga, sekali gus menawarkan harga yang berpatutan, kebersihan, keselamatan dan kemesraan daripada kakitangan yang terlatih dengan cara hospitaliti yang terkenal di Jepun. Kesemua cawangan mempunyai perpustakaan muzik yang melebihi 300,000 lagu dan juga direka untuk naungan semua generasi rakyat Malaysia berbilang kaum.

Kumpulan KOSHIDAKA telah memilih Malaysia sebagai pejabat kumpulan serantau di Asia Tenggara kerana mereka percaya Malaysia mempunyai ekonomi yang kukuh, pentadbiran yang mengundang, tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dan infrastruktur yang dibangunkan dengan baik. Faktor-faktor strategik yang sangat diingini ini telah menukar Malaysia menjadi destinasi pelaburan yang utama untuk pelabur antarabangsa, termasuk KOSHIDAKA.

Menurut Pengarah Urusan, Akira Zama, "Rangkaian **KARAOKE MANEKINEKO** disediakan untuk pencinta karaoke daripada semua kaum yang menggemari sesi nyanyian mesra poket dan menyeronokkan dengan minuman ringan dan makanan ringan tanpa had. Dengan bilik VIP kami yang dihias bergaya yang mempunyai kapasiti untuk memuatkan sehingga 30 orang, penganjuran acara peribadi untuk majlis korporat, keluarga dan sosial dengan kami adalah sangat mudah."





(1423128-K)

Koshidaka International KL Sdn Bhd

A Subsidiary of Koshidaka Holdings

Suite 08-01, Level 8, Wisma UOA Damansara II,
No 6 Changkat Semantan, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.
Tel: +603 2011 6888

En. Zama menghuraikan, “Di **KARAOKE MANEKINEKO**, kami bukan sahaja menyediakan hiburan, kami juga berhasrat untuk memainkan peranan kami dalam penyumbangan kepada ekonomi Malaysia dengan jumlah pelaburan langsung sebanyak RM270 juta yang akan membantu menyediakan sekurang-kurangnya 1,000 pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Tambahan pula, cawangan Bukit Bintang terletak di lokasi komersial paling sibuk di Malaysia, dan dengan itu pelaburan di sana memerlukan lebih daripada dua kali ganda berbanding cawangan biasa, kami percaya bahawa kami menunjukkan komitmen kami untuk memenuhi dan melanjutkan tumpuan kami pada pengembangan perniagaan kami di Malaysia”.

KOSHIDAKA Malaysia akan terus meluaskan tapak KARAOKE MANEKINEKO secara strategik di Malaysia. Sepanjang pengembangannya yang berterusan, KOSHIDAKA Malaysia akan sentiasa menunjukkan komitmen dan mematuhi prinsip teras dan semangatnya – perkhidmatan dan pengalaman yang luar biasa, kualiti dan kepelbagaian.

-TAMAT-





(1423128-K)

Koshidaka International KL Sdn Bhd

A Subsidiary of Koshidaka Holdings

Suite 08-01, Level 8, Wisma UOA Damansara II,
No 6 Changkat Semantan, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.
Tel: +603 2011 6888

TENTANG KOSHIDAKA MALAYSIA

KOSHIDAKA Malaysia telah ditubuhkan pada 2018, sebagai sebahagian daripada kumpulan syarikat KOSHIDAKA di bawah KOSHIDAKA Holdings Co., Ltd yang memegang ibu pejabatnya di Tokyo, Jepun, dan disenaraikan di Bahagian 1 Bursa Saham Tokyo. KOSHIDAKA Holdings membuka cawangan karaoke pertamanya pada tahun 1990 dan kini merupakan rangkaian karaoke utama terbesar Jepun dengan lebih 600 cawangan di seluruh negara Jepun.

Sebagai pejabat kumpulan serantau di Asia Tenggara, KOSHIDAKA Malaysia menguruskan operasi cawangan KARAOKE MANEKINEKO di Thailand, Indonesia dan Malaysia. KOSHIDAKA Malaysia telah berkembang menjadi penyedia hiburan karaoke yang terkemuka dan paling progresif di Malaysia dengan pernyataan misi yang jelas untuk memberi ganjaran kepada pelanggan dalam pengalaman karaoke terbaik semungkin dalam bilik konsep bertema yang kreatif dan menarik.

KOSHIDAKA Malaysia mengurus dan mengendalikan cawangan **KARAOKE MANEKINEKO** di Malaysia yang terletak di: -

- Sunway Giza Mall;
- EkoCheras Mall;
- Paradigm Mall;
- Central I-City;
- Sunway Putra Mall;
- Sunway Velocity Mall;
- Avenue-K;
- BMC Mall;
- United Point Mall; dan
- Bukit Bintang.

Cari kami di:

Laman web: <https://www.karaokemanekineko.my/>

Facebook: <https://www.facebook.com/KaraokeManekinekoMalaysia>

Instagram: https://www.instagram.com/manekineko_malaysia/

--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Cik Zoe Sit – Eksekutif Kanan

Talipoh Mudah Alih: +6013-222 4648| E-mel: zoe.sit@koshidakaint.com

